



Bersama Membangunkan Komunikasi Awam Sabah

oleh: **Senthu Selvarajoo**

RABU, 19 MAC - Unit Penyelidikan Ethnografi dan Pembangunan (UPEP) dengan kerjasama Program Komunikasi Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Seminar Pembangunan Komunikasi bertempat di Bilik Mesyuarat Utama di Sekolah Sains Sosial.

Matlamat Seminar Pembangunan Komunikasi Awam Sabah ini adalah untuk menerangkan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Komunikasi Awam dalam transformasi pembangunan negeri Sabah, meningkatkan kefahaman terhadap kaedah merealisasikan perpaduan pelbagai kaum di Sabah dalam konteks gagasan 1Malaysia

serta menerangkan pendekatan konsep gerak saraf dan perang saraf dalam peningkatan keyakinan terhadap kepimpinan negara.

Terdapat tiga jabatan komunikasi awam dibawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) turut serta dalam seminar komunikasi iaitu Jabatan Penyiaran Malaysia, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas KKMM (JASA). Ketiga-tiga jabatan ini lebih mengutamakan fungsi-fungsi jabatan masing-masing dalam seminar tersebut.

Dekan Sekolah Sains Sosial Prof. Dato' Mohd. Hamdan Hj. Adnan mengucapkan tahniah kepada unit-unit yang telah berjaya menganjurkan seminar ini dengan jayanya dalam ucapannya.

Menurut beliau, seminar seumpama ini amat penting untuk mengetahui peranan dan tanggungjawab jabatan-jabatan komunikasi awam terhadap pembangunan negara.